

Simpanan warga emas lesap sekelip mata ditipu 'Sarjan Chong'

# Guru pencen rugi RM1.07 juta

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**PETALING JAYA** – Hanya kerana satu panggilan telefon daripada individu tidak dikenali, seorang pesara guru terpaksa berputih mata apabila wang simpanannya berjumlah RM1.07 juta lesap selepas diperdaya sindiket Macau Scam dalam kejadian dua bulan lalu.

Mangsa berusia 71 tahun itu dikatakan menjadi mangsa penipuan dua lelaki yang menyamar sebagai kakitangan Pos Laju dan Sarjan Chong Sin Han.

Dalam kejadian 25 Mei lalu, warga emas itu yang tinggal di kediamannya di Kelana Jaya telah menerima panggilan telefon daripada individu yang mendakwa kakitangan Pos Laju.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd. Faizal berkata, suspek yang mendakwa kakitangan Pos Laju itu memaklumkan kononnya ada bungkusan telah dihantar dari Kepong, Kuala Lumpur ke Sabah yang mengandungi kad pengenalan mangsa.

Katanya, panggilan itu kemudian disambungkan kepada seorang lelaki dikenali sebagai Sarjan Chong Sin Han dari Ibu



**SINDIKET Macau Scam menjadi punca seorang pesara guru wanita kerugian RM1.07 juta.** – GAMBAR HIASAN

Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah yang mendakwa butiran peribadi mangsa telah digunakan seorang bekas pengurus bank bagi tujuan pengubahan wang haram.

"Mangsa yang ketakutan daripada ditahan pihak polis selepas dikatakan terlibat pengubahan wang haram telah bertindak memindahkan wang simpanan miliknya berjumlah RM1.07 juta.

"Kesemua wang tersebut dipindahkan ke dalam 10 akaun syarikat berbeza yang diberikan suspek," katanya di sini semalam.

Nik Ezanee berkata, transaksi jutaan ringgit itu dibuat dalam tempoh lebih sebulan bermula 15 Jun hingga 23 Julai lalu.

"Selepas kesemua wang tersebut dipindahkan, mangsa menyedari dirinya telah ditipu apabila dia tidak menerima se-

barang panggilan daripada pihak berkenaan.

"Mangsa hanya membuat laporan polis semalam (kelmarin) dan siasatan berhubung kejadian itu masih dijalankan termasuk mengesan pemilik akaun," katanya.

Dalam pada itu, Nik Ezanee memberitahu, kadar jenayah jalanan di daerah Petaling Jaya menunjukkan peningkatan 30 peratus dalam tempoh seminggu.

Katanya, hasil siasatan mendapati kebanyakan kes samun dan ragut berlaku bermula seawal pukul 6 hingga 10 pagi.

"Kadar jenayah jalanan meningkat 30 peratus dalam tempoh seminggu dan kita dapati, kes-kes tersebut banyak berlaku di kawasan sekitar stesen transit aliran ringan (LRT) dan sekitar Petaling Jaya," ujarnya.

Tambah Nik Ezanee, orang ramai diingatkan supaya tidak leka dengan bermain telefon bimbit ketika berada di jalanan kerana dikhuatiri menjadi mangsa samun.

"Sekiranya curiga dengan keadaan sekeliling, kita minta orang ramai tampil membuat laporan untuk membolehkan pihak polis menjalankan pemantauan dan siasatan," ujarnya.